



SULIT

Ruj. Kami : JPA.BK (S) 71/3/4-2 Jld. 3 (37)
Tarikh : 27 Disember 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

**PELANJUTAN TEMPOH OPSYEN DI BAWAH SARAAN BARU
PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM
PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti tuan sedia maklum, tempoh opsyen Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) adalah selama 15 hari mulai 16 Disember 2011 hingga 30 Disember 2011 seperti yang dijelaskan melalui Pekeliling-pekeling Perkhidmatan Bil. 11, Bil. 12, Bil. 13 dan Bil. 14 Tahun 2011 serta Surat Pelaksanaan dalam JPA.SARAAN 256/24/1-1. Walau bagaimanapun, mengambil kira keperluan masa yang lebih panjang bagi pegawai awam memahami SBPA dan seterusnya membuat keputusan secara rasional, Kerajaan telah bersetuju supaya **tempoh opsyen tersebut dilanjutkan** daripada 15 hari mulai 16 Disember 2011 sehingga 30 Disember 2011 **kepada 31 hari iaitu daripada 16 Disember 2011 sehingga 15 Januari 2012**. Pelanjutan tempoh ini tidak mengubah tarikh kuat kuasa SBPA iaitu kekal pada 1 Januari 2012 dan tempoh opsyen Kumpulan Premier.

3. Pelanjutan tempoh opsyen SBPA ini tidak mengubah tempoh opsyen pelanjutan umur persaraan ke 60 tahun iaitu kekal selama 15 hari mulai 16 Disember 2011 sehingga 30 Disember 2011.

4. Selaras dengan keputusan ini, bagi pegawai yang jawatannya diumumkan sebelum tarikh kuat kuasa SBPA dan menolak SBPA, pegawai tersebut akan dibersarakan di bawah akta pencen yang berkaitan berikutan penghapusan jawatan berkuat kuasa 1 Januari 2012. Pembayaran pencen pegawai akan berdasarkan gaji akhir pada 31 Disember 2011.

SULIT

SULIT


5. Surat Edaran di mana berkenaan, ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling-pekelling Perkhidmatan Bil. 11, Bil. 12, Bil. 13 dan Bil. 14 Tahun 2011 serta Surat Pelaksanaan dalam JPA.SARAAN 256/24/1-1.

6. Sebarang pertanyaan mengenai urusan ini, bolehlah diajukan kepada *sbpa@jpa.gov.my* atau *hotline* Dasar Perkhidmatan 03-88853201/Pencen dan Persaraan 03-88853293.

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

s.k. :

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

SULIT